

21/07/2002

MTUC minta isu CPF diselesai segera

Kandau Sidi

MIRI: Singapura diminta menyelesaikan segera isu pengeluaran caruman pekerja Malaysia berjumlah lebih RM3 bilion dalam Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF).

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Datuk Zainal Rampak berkata, republik itu juga seharusnya mengasingkan isu berkenaan daripada pakej penyelesaian hubungan dua hala dengan Malaysia.

"Isu ini tidak seharusnya dibiarkan berpanjangan memandangkan ia boleh diselesaikan menerusi rundingan dan kerjasama erat yang sudah terjalin.

"MTUC juga tidak mahu isu caruman dalam CPF dibiarkan dibincangkan bersama pakej berkenaan kerana ia akan melambatkan proses penyelesaiannya. Lagipun mesyuarat mencari penyelesaian menyeluruh hubungan dua hala kedua-dua negara terlalu lambat dan pasti memerlukan jangka masa panjang untuk mencapai persetujuan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis makan malam sempena sambutan ulang tahun ke-27 Kesatuan Sekerja Telekom Sarawak di sini, semalam,

Zainal berkata, dengan mengambil kira keadaan itu, MTUC meminta kerajaan Singapura mengasingkan isu CPF daripada pakej rundingan berkenaan agar ia diselesaikan secepat mungkin.

MTUC sebelum ini sudah menghantar memorandum kepada Menteri Kewangan Singapura selain mengadakan pertemuan dengan Pesuruhjaya Tinggi republik itu bagi menjelaskan kepentingan penyelesaian segera isu itu.

"Kami menerima banyak panggilan dan pertanyaan pekerja yang ingin tahu bila mereka boleh menerima wang CPF.

"Kebanyakan pekerja terbabit adalah mereka yang dibuang kerja ketika krisis ekonomi yang memerlukan wang simpanan untuk membeli rumah, memulakan perniagaan dan membayar rawatan kesihatan," katanya.

Selain itu, MTUC menggesa kerajaan menyelesaikan isu CPF melalui kerjasama erat dengan kerajaan Singapura agar ia diselesaikan secara baik.

Zainal mempertikaikan tindakan kerajaan republik itu enggan membenarkan pekerja Semenanjung Malaysia mengeluarkan wang caruman CPF, sedangkan pekerja Sabah, Sarawak dan rakyat negara asing lain dibenarkan berbuat demikian.

"Ia adalah hak pekerja berkenaan apabila mereka meninggalkan republik itu. Singapura sepatutnya mengambil langkah tertentu dari segi pindaan undang-undang untuk tidak menangguhkan isu ini lebih lama," katanya.

Isu pengeluaran caruman CPF pekerja semenanjung Malaysia menarik perhatian sejak tiga tahun lalu, terutama selepas berlaku krisis ekonomi 1998.

Pertemuan Menteri Kanan republik itu, Lee Kuan Yew dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini tahun lalu menyaksikan kedua-dua pemimpin bersetuju isu CPF dibincangkan sebagai sebahagian pakej menyeluruh membabitkan lima isu utama dalam hubungan dua hala masing-masing.

Antara perkara utama dibincangkan selain isu CPF termasuk pengambilan alih dan pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM) Berhad, status Pusat Kastam Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Stesen Tanjung Pagar, penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura serta penjualan air dari Johor ke Singapura.